

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH
[SRI GADING]**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha-usaha yang konkrit dalam menangani isu kesihatan mental di kalangan mahasiswa khususnya ketika negara dilanda pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa prihatin dan peka dalam memastikan kebajikan serta kesejahteraan mental dan emosi mahasiswa sentiasa terjaga, terutamanya dalam tempoh pandemik COVID-19 yang melanda negara sejak lebih setahun yang lalu.

Atas dasar keprihatinan ini, KPT melalui pihak Universiti Awam (UA) menyediakan pelbagai kemudahan perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikososial kepada mahasiswa yang melibatkan hampir 150 orang kaunselor dan pakar psikologi terdapat di UA. Selain secara fizikal atau, dengan izin, *walk-in*, perkhidmatan yang sama turut ditawarkan melalui talian *hotline* dan juga secara dalam talian. Dalam hubungan ini, beberapa kaedah telah dikenal pasti bagi menyaring tahap kesihatan mental mahasiswa, iaitu melalui *online-self screening* menggunakan

Depression Anxiety Stress Scale (DASS), e-kaunseling berkelompok dan e-psikologi.

Selain itu, KPT juga bekerjasama dengan Majlis Kaunseling dan Kerjaya Universiti Awam Malaysia (MAKUMA) membangunkan Modul Kesihatan Mental Pelajar IPT bagi menangani tekanan, kemurungan dan kebimbangan pelajar. Modul ini merupakan garis panduan kepada pegawai di UA bagi menguruskan kes kesihatan mental yang melibatkan mahasiswa UA secara lebih komprehensif dan efisien.

Dalam perkara berkaitan, pelbagai program kesedaran berkenaan dengan kesihatan mental turut dianjurkan. Sepanjang tahun 2021, pihak UA dengan kerjasama MAKUMA telah berjaya menganjurkan hampir 560 program kaunseling serta pengurusan tekanan dan emosi sama ada secara dalam talian mahupun fizikal. Contohnya ialah Live Instagram 3.0: Kaunselor Saya Nak Bertanya oleh UPM; Program *Counselling: Mental and Emotional Well-Being 15* oleh UiTM (Shah Alam); dan Webinar Kaunseling: Kenali Simptom dan Bantuan Awal Kesihatan Mental oleh UMT. Pihak politeknik dan kolej komuniti juga tidak ketinggalan menganjurkan pelbagai program kesedaran, kerohanian dan sesi kaunseling individu dan berkelompok yang melibatkan kira-kira 2,377 pelajar.

Insyaa Allah, program-program seumpama ini akan diteruskan pelaksanaannya pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.